

Dasar satu peratus penjawat awam OKU dikaji semula

Kuala Lumpur: Dasar satu peratus penjawat awam kategori Orang Kurang Upaya (OKU) dalam perkhidmatan awam sedang dikaji semula untuk penambahbaikan pelaksanaannya, demikian Dewan Rakyat diberitahu, semalam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata ini kerana dalam tempoh 10 tahun, dari 2014 hingga tahun lalu, pelaksanaan dasar satu peratus OKU dalam perkhidmatan awam masih tidak mencapai sasaran.

“Antara punca yang dikenal pasti adalah peratusan permohonan pekerjaan dalam sektor awam oleh calon OKU yang tidak sampai satu peratus berbanding permohonan keseluruhan calon.

“Kajian Kepuasan Bekerja Dalam Kalangan Penjawat Awam OKU setakat ini mendapati antara cabaran utama dihadapi penjawat awam OKU adalah keupayaan dan kompetensi penjawat awam OKU, ter tekan dengan tuntutan kerja dalam keterbatasan upaya serta sokongan dan kemudahan diperlukan mereka,” katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (PN-Arau) yang ingin tahu mengenai statistik bagi tempoh 10 tahun peratusan penjawat awam OKU dalam sektor awam sejak dasar berkenaan diperkenalkan.

Bagaimanapun, Dr Zaliha berkata, dalam tempoh sama statistik pencapaian dasar itu merekodkan trend peningkatan pengisian jawatan penjawat awam OKU iaitu 0.23 peratus pada 2014, 0.25 peratus (2015), 0.28 peratus (2016), 0.29 peratus (2017 sehingga 2022) dan 0.3 peratus (2023).

Menjawab soalan tambahan Lim Lip Eng (PH-Kepong) mengenai penambahan jumlah penjawat awam OKU di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Dr Zaliha berkata pencapaian pengisian petugas OKU di Wilayah Persekutuan termasuk dalam agensi pihak berkuasa tempatan itu jauh lebih baik iaitu 0.5 peratus atau lebih 10,000 orang.

“Bagi cadangan untuk menambah penjawat awam OKU di Parlimen sendiri, saya menyokong cadangan itu sebagai usaha untuk meningkatkan lagi pengisian jawatan golongan OKU dalam sektor awam,” katanya.

BERNAMA